

Arahan: Tiap-tiap soalan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A, B, C, dan D. Pilihlah satu jawapan yang paling sesuai.

7.1 Latar Belakang Idea Negara Merdeka

(Buku Teks m.s. 172 – 173)

- 1 Ibrahim Haji Yaakob telah mengasaskan Kesatuan Melayu Muda (KMM).
Apakah perjuangan KMM?

- A Memartabatkan bahasa Melayu
- B Menggalakkan sikap bekerjasama
- C Memajukan ekonomi orang Melayu
- D Memperjuangkan kemerdekaan negara

(Buku Teks m.s. 172)

- 2 Apakah parti politik yang menggunakan konsep berikut sebagai matlamat politik?

Melayu Raya

- A UMNO
- B PKMM
- C KMM
- D PAS

(Buku Teks m.s. 172)

- 3 Bagaimanakah Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) mencapai matlamat berikut?

Membentuk perpaduan

- A Menentang ancaman komunis
- B Memperjuangkan hak sama rata
- C Menanam semangat kebangsaan
- D Menekankan pemerintahan demokrasi

(Buku Teks m.s. 172)

- 4 Mengapakah British mengharamkan pertubuhan berikut?

Angkatan Pemuda Insaf (API)

- A Memperjuangkan hak rakyat
- B Membuat tuntutan kemerdekaan
- C Menyokong perjuangan komunis
- D Menggunakan pendekatan radikal

(Buku Teks m.s. 172)

- 5 Mengapakah parti berikut menentang Malayan Union?

Parti	United Malays National Organisation (UMNO)
Pengasas	Dato' Onn bin Jaafar
Tahun	1951

- I Memelihara status quo orang Melayu
 - II Menjamin kedaulatan Raja-raja Melayu
 - III Menyekat perluasan pengaruh komunis
 - IV Mewujudkan perpaduan antara kaum
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 172)

- 6 Pilih pasangan yang tepat berkaitan dengan idea perjuangan parti politik berikut.

Pilihan Jawapan	Parti Politik	Perjuangan
A	Hizbul Muslimin	"Merdeka"
B	Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS)	"Tanah Melayu untuk Malayan"
C	Independence of Malayan Parti (IMP)	"Hidup Melayu"
D	Parti Kebangsaan Melayu Labuan (PKML)	"Hidup Melayu-Merdeka"

(Buku Teks m.s. 173)

- 7 Apakah persamaan matlamat penubuhan persatuan berikut?

- Malayan Indian Congress
- Malayan Chinese Association

- A Pembinaan satu negara bangsa
- B Bersatu pertahankan hak peribumi
- C Bekerjasama dengan semua kaum
- D Pembinaan sebuah negara merdeka

(Buku Teks m.s. 173)

7.2 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum

(Buku Teks m.s. 174 – 177)

- 8 Mengapakah perundingan antara kaum penting bagi Persekutuan Tanah Melayu mencapai status berkerajaan sendiri?
- A Mengukuhkan institusi beraja
 - B Menyatupadukan pelbagai kaum
 - C Merangka perlembagaan baharu
 - D Melaksanakan pilihan raya umum

(Buku Teks m.s. 174)

- 9 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) ditubuhkan untuk mengatasi ketegangan kaum di Tanah Melayu. Bagaimanakah CLC menyelesaikan masalah tersebut?

- A Membentuk kongres
- B Melaksanakan perjanjian
- C Menggunakan rundingan
- D Mengadakan perdamaian

(Buku Teks m.s. 174)

- 10 Langkah berikut diambil pada Januari 1949.

Menghimpunkan pemimpin utama pelbagai kaum di Tanah Melayu.

Bagaimanakah proses tersebut dilakukan?

- A Pengenalan Persekutuan Tanah Melayu
- B Pengenalan Dasar Pendidikan Kebangsaan
- C Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum
- D Penubuhan Rancangan Pembangunan Lima Tahun

(Buku Teks m.s. 174)